



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

### PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

---

Jilid I

Bil. 20

Hari Jumaat

27hb Mac 1987

---

### KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAH-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

### USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat dan Pengangguha Mesyuarat

(Ruangan 29)

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan)

(Ruangan 30)

Rang Undang-undang Hakcipta

(Ruangan 40)



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 27hb Mac, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**JAMBATAN PULAU PINANG**

**1.** **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah benar atau tidak Kerajaan Pusat sedia menjualkan Jambatan Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan harga bayaran kira-kira 800 juta ringgit seperti mana yang dilaporkan dalam surat khabar mengikut petikan daripada ucapan Y.B. Menteri Kerja Raya. Sekiranya benar, adakah tawaran jualan itu sah dan rasmi. Sekiranya tidak, apakah syarat-syarat jualan dan pindah milik jika ada.

**Menteri KerjaRaya [Dato' S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli. Yang Berhormat, sebelum saya memberi penjelasan mengenai cadangan untuk menjual Jambatan Pulau Pinang, saya ingin memberi sedikit sejarah mengenai pembinaan jambatan tersebut.

Pada tahun 1983, perbincangan telah dibuat di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Kerajaan Persekutuan mengenai masalah kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang itu. Di dalam perbincangan itu cadangan telah dibuat supaya Jambatan Pulau Pinang diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Pulau Pinang apabila pembinaannya siap. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menunjukkan minat untuk mengambil alih Jambatan Pulau Pinang tersebut. Kos pembinaan jambatan ini akan di biayai. melalui kerja-kerja menebusguna tanah, dengan izin,

reclamation, seluas 5,040 ekar yang tntana hasil dari pada penjualan tanah-tanah yang ditebusguna kepada pihak swasta itu akan digunakan untuk membiayai pembinaan Jambatan Pulau Pinang, pembinaan jalan persisiran pantai utara, dengan 1.2111, north coastal road, daripada persimpangan Univevsti Sains Malaysia ke bandar George Town, iaitu sepanjang 8.6 kilometer dan juga untuk menampung kerja-kerja infrastruktur yang lain.

Kos keseluruhannya bagi kerja-kerja menebusguna tanah itu dan mengadakan infrastruktur adalah di anggarkan lebih kurang \$1.2 billion atau \$1,200 juta. Seluas 55 ekar daripada jumlah tanah yang ditebusguna itu akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai kegunaan pembentungan atau sewerage dan yang selebihnya akan diperniagakan untuk menampung kos pembinaan jambatan dan infrastruktur.

Oleh kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mampu membiayai kos menebusguna tanah tersebut, cadangan telah dibuat bagi menawarkan kerja-kerja itu secara penswastaan. Semasa cadangan penswastaan itu dibuat, sebanyak 8 consortium telah mengemukakan cadangan-cadangan mereka masing-masing. Di antara 8 consortium itu, hanya satu daripadanya telah dapat menemui kehendak-kehendak rancangan penswastaan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, rancangan penswastaan ini telah tidak dapat dilaksanakan oleh kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenakan syarat-syarat yang ketat yang mana sebahagian daripada hasil penjualan tanah yang ditebusguna itu akan diperolehi oleh Kerajaan Negeri. adalah melebihi daripada kos Jambatan Pulau Pinang. Maka dengan ini telah menjadikan rancangan penswastaan itu tidak lagi viable. Cadangan-cadangan lain juga

telah dibuat dan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tetapi sehingga ini tidak mendapat sambutan.

Buat masa ini, Jambatan Pulau Pinang telah diletakkan di bawah tanggungjawab Lembaga Lebuhraya Malaysia dan pembayaran kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang ini sedang dijelaskan melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat dan penduduk-penduduk negeri Pulau Pinang bahawa pembinaan jambatan telah dilaksanakan untuk kemudahan penduduk-penduduk di negeri itu yang mana akan dapat memudahkan penduduk-penduduk negeri Pulau Pinang dari juga mereka yang pergi dan balik dari negeri tersebut. Untuk memudahkan lagi penduduk-penduduk Pulau Pinang dan juga mereka yang pergi ke Pulau Pinang, Kerajaan Persekutuan telah juga membina beberapa jalan di Pulau Pinang itu.

Misalnya, lebih daripada \$40 juta telah dibelanjakan untuk membina jalan-jalan di bawah Skim Penghuraian lalulintas, iaitu dengan izin, the traffic dispersal scheme in a town where there is no law for traffic, dan juga \$24 juta sedang dibelanjakan untuk memperbaiki dan melebarkan Jalan Udini, Jalan Mesjid Negeri dan beberapa persimpangan yang lain yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri Kerja Raya, saya sendiri melawat beberapa kali untuk mengadakan rancangan ini untuk menolong negeri Pulau Pinang. Malangnya, tidak mendapat apa-apa jawapan daripada negeri Pulau Pinang. Juga dimaklumkan bahawa apabila Lebuhraya Utara/Selatan yang menyambung Jambatan Pulau Pinang siap keseluruhannya, maka ini dengan sendirinya akan dapat mengurangkan

Lagi kesesakan lalulintas di negeri Pulau Pinang. Di samping semua ini, Kerajaan sekarang menimbang untuk menurunkan lagi kadar TOL di Tambahan Pulau Pinang yang akan diumumkan sedikit masa lagi.

Begitulah sejarah mengenai Jambatan Pulau Pinang yang dapat saya sampaikan kali ini, yang mana menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambil perhatian yang berat membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membaiki lagi jalan-jalan di Pulau Pinang untuk kemudahan penduduk-penduduk Pulau Pinang khasnya, kepada Drang-orang awam di negara ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, penjualan jambatan ini kepada negeri Pulau Pinang tidak timbul lagi.

**Tuan Haji Shuaib bin Lazim:** Tuan Yang di-Pertua, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya setengah-setengah pihak mengatakan bahawa pembinaan Jambatan Pulau Pinang ini merugikan rakyat dan negara?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, di mana-nama pun jawapan saya, saya tidak kata Kerajaan rugi atau tidak rugi.. Saya kata ini adalah satu kemudahan yang kita beri kepada penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang. Saya mahu penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang mengambil perhatian, Kerajaan Persekutuan sudah membelanjakan beberapa juta ringgit di satu pulau. Tanah Besar pun tidak dapat satu kemajuan yang terbesar seperti ini.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan, bagaimana psndangan Menteri berkenaan iaitu Dato' Samy Vellu sendiri sama ada baik kita usahakan untuk penjualan Jambatan ini kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun biar dia kekal di bawah Kerajaan Federal? Pandangan Yang Berhormat Menteri sendiri sebagai Menteri yang bertanggungjawab.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya sendiri, pada masa ini keadaan kemelesetan ekonomi yang kita punyai bukan sahaja di tariahair kita, bahkan di seluruh South East Asia iaitu Asia Tenggara. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak ada minat sebab mereka tidak mempunyai peruntukan untuk membeli atau membayai atau tidak ada hasil untuk membayai satu harga yang terbesar seperti ini.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar atau tidak, kutipan yang diperolehi dari Jambatan ini tidakpun cukup untuk membayar faedah pinjaman untuk membuat Jambatan ini?

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kutipan yang telah berlaku di Jambatan Pulau Pinang itu tiap-tiap hari kira kutip lebih kurang \$50,000. Jadi, \$1.5 juta tiap-tiap bulan dan lebih kurang \$18 juta sahaja kita dapat tiap-tiap tahun. Tetapi bayaran untuk faedah pinjaman ini ialah lebih daripada \$85 juta. Jadi, lebih daripada itu kita khaskan kepada penduduk-penduduk di Pulau Pinang, satu sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Setengah orang kata Jambatan Pulau Pinang ini projek mewah, setengah orang kata pula tidak mewah. Jadi, yang sebenarnya macam mana? Saya ingin penjelasan dalam Dewan ini.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk membina Jambatan Pulau Pinang ini bukanlah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang. Dia sendiri pun tidak tahu ada rancangan seperti ini. Keputusan ini telah dibuat oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada masa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri kepada tanahair kita, pada masa Yang Teramat Malia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menjadi Perdana Menteri kepada tanahair kita. Walaupun kita telah memulakan beberapa rancangan dan juga beberapa siasatan atas Jambatan ini, pada masa Yang Berhormat Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri kepada tanahair kita iaitu pada 2hb Jun, 1978 dalam satu perbincangan di antara Jabatan Kerjaraya yang mana Jabatan Kerjaraya telah memberi satu "briefing" kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat telah mengarahkan Jabatan Kerjaraya untuk meneruskan pembinaan Jambatan Pulau Pinang itu. Mulai hari itulah Jabatan Kerjaraya dan Kementerian Kerjaraya telah mengambil beberapa keputusan untuk membina. Tetapi selepas

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, semua kertas kerja-kertas kerja dan tawaran itu telah berlaku. Jadi, projek pembinaan Jambatan Pulau Pinang ini bukanlah satu projek mewah atau tidak. Saya tahu siapa yang kata projek ini mewah ialah sebahagian orang yang telah bersama dalam keputusan yang, telah diambil oleh Kabinet.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau itu penjelasan Yang Berhormat Menteri kepada Dewan yang mulia pada petang ini yang mana masih juga rakyat yang tidak faham menuduh bahawa itu adalah idea daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bolehkah Yang Berhormat berani mengeluarkan statement mengatakan ini adalah idea daripada Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu biar rakyat semua tahu bahawa ini bukanlah idea seorang diri. Statement melalui suratkhabar dan sebagainya.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jawapan saya di Dewan ini sendiri pun boleh jadi satu statement kepada rakyat jelata hari esok. Walau bagaimanapun, saya telahpun menge-mukakan beberapa penjelasan kepada rakyat jelata iaitu semua ke-putusan-keputusan untuk membina atau mendiri atau mengadakan satu rancangan baru yang mana rancangan itu boleh memberi Faedah kepada rakyat jelata di dalam tanahair kita ini ialah semua dengan per-setujuan Menteri-menteri yang sedia ada dalam Kabinet itu [Tepuk].

**Puan Law Jack Yoon:** Soalan tambahan. Apakah kelebihan yang boleh kita dapati dengan menjual Jambatan Pulau Pinang? Bukankah lebih wajar jikalau projek nasional ini dikekalkan sebagai harta Kerajaan Pusat?

**Dato S. Samy Vellu:** Saya minta Yang Berhormat ulaskan balik, saya tidak faham.

**Puan Law Jack Yoon:** Yang Berhormat, apakah kelebihan yang boleh kita dapati dengan menjual Jambatan Pulau Pinang? Bukankah lebih wajar jikalau projek nasional ini dikekalkan sebagai harta Kerajaan Pusat?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk menjual Jambatan ini kepada, Pulau Pinang bukanlah satu keputusan dari-pada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan suka juga mengambilalih Jambatan ini bukan sahaja sekarang, seterusnya hingga 100 tahun akan datang. Tetapi itulah satu permintaan daripada Negeri Pulau Pinang yang mana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang telah berkata, jikalau projek ini jadi satu projek yang dipunyai oleh Negeri Pulau Pinang, hasil-hasil daripada projek itu boleh disampaikan kepada rakyat jelata di negeri Pulau Pinang itu. Itulah satu permintaan daripada Negeri Pulau Pinang.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. sebabnya Jambatan Pulau Pinang ini telah lama didirikan dan telah dua, tiga tahun. Tetapi pada masa sekarang ini sibuk dibangkitkan, adakah ini ekoran daripada parti Pembangkang semasa pilihanraya. Itulah ekoran kempennya parti Pembangkang dalam pilihanraya tahun 1986 mengatakan projek mewah Jambatan Pulau Pinang ini. Adakah ekoran itu yang dibangkit pada hari ini?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, inilah apa yang kita kata, dengan izin, the double-tounge of the Opposition and the DAP. Jadi, pada tahun 1974 apabila ahli-ahli daripada parti Pembangkang, satu ahlinya daripada Pulau Pinang, dia cabar kepada Kerajaan Pusat ini jikalau Kerajaan Pusat akan menyiapkan jambatan ini dia akan ikuti dengan jambatan ini dan bunuh diri sendiri. Ini satu cabaran dan saya tunggu masa sekarang tetapi belum dapat berita daripada parti itu. Ada juga soalan-soalan ditimbulkan oleh parti itu dalam Dewan Rakyat yang mana saya katakan ada juga satu cabaran daripada parti itu tetapi mereka menjawab kepada saya bahawa ahli itu sudah tukar 'baju' sekarang dan bukan di parti mereka itu. Sebab itulah saya suka jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kita tidak tahu ahli yang cabar kepada Kerajaan Pusat akan ada di dalam parti itu beberapa lama lagi atau bila dia akan tukar 'baju'.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan berita bahawa untuk Jambatan Pulau Pinang ini tiap-tiap tahun Kerajaan terpaksa membayar atau menjelaskan lebih kurang \$85 juta dan pendapatan cuma \$18 juta, sama ada ,ini benar atau tidak. Sekiranya ini benar, apakah rancangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian Kerjaraya untuk meringankan beban Kerajaan Pusat dan sama ada Kementerian Kerjaraya akan menswastakan projek ini kepada pihak swasta?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, sebuah Kerajaan Pulau Pinang pun tidak boleh mempunyai, bolehkah swasta mempunyai dan mengapakah kita mahu swastakan, ia bukan bina jambatan ini. Mengutip tol, saya sendiri pun boleh kutip [Ketawa]. Tidak payah-lah kita swastakan tol ini.

Walau bagaimanapun; berkenaan rancangan Kerajaan untuk mengadakan jambatan ini, ini akan menjadi satu rangkaian menyambung dengan jalan besar iaitu Lebuhraya Utara/Selatan pada masa depan. Saya harap lagi lima tahun akan datang apabila kita siapkan rangkaian jalan iaitu Lebuhraya dari Utara ke Selatan, Jambatan Pulau Pinang akan menjadi satu sambungan dan pada masa itu saya percaya kita boleh dapat lebih kutipan daripada apa yang punyai sekarang.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri Kerjaraya dan Kementerian Kerjaraya - "Terima kasih, Dato" - kerana dengan adanya penjelasan dan jawapan daripada Menteri tadi menunjukkan rakyat telah berpuas hati atas jawapan mengenai jambatan ini. Tidaklah segala tuduhan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya dahulu [Ketawa].

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tidaklah tuduhan itu dilemparkan kepada Menteri. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan bagi pihak kakitangan dan Ahli-ahli Dewan, Senator-senator ini mengucapkan terima kasih. Itu sahaja soalan tambahan saya dan saya mencadangkan soalan ini ditutup, Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan soalan tambahan [Ketawa]. Saya hendak mengingatkan sekali Lagi kalau minta soalan jangan keluar dari soalan asal.

**Tuan Ismail bin Nagore:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengikut bayaran tol yang dikenakan ialah sebanyak \$7 iaitu sebuah kereta menyeberangi daripada Butterworth ke Pulau Pinang, tetapi terdapat banyak tiket-tiket yang dijual di luar kawasan tol ini harganya \$6. Adakah tiket-tiket yang dijual dengan harga \$6 ini diakui oleh Kementerian -yang berkenaan dan ia bukan tiket palsu?

Terima kasih.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar perkara ini ada laku di berhampiran Jambatan Pulau Pinang, sebab itu Jemaah Menteri pada hari Rabu yang lalu telah mengambil satu keputusan, keputusan itu ialah pada masa akan datang kita tidak akan menjual tiket tetapi kita akan jual satu kad sahaja kepada siapa yang suka membeli season ticket, dengan izin. Mereka akan menggunakan kad itu dan mereka tidak boleh jual kepada siapa-siapa dan hasil yang penuhnya daripada penjualan itu akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan di atas sejarah. Kalau keputusan membina jambatan ini telah dibuat dalam masa Allahuhyarham Tun Abdul Razak, bolehkah Menteri itu memberitahu sebab-sebab mengapa jambatan itu tidak dibina pada masa itu, jauh sebelum ekonomi meleset dan barangkali kalau dibina pada masa itu Kerajaan Negeri dapat membeli?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu saya bukan jadi Menteri [Ketawa]. Saya jadi budak sekolah sahaja pada masa itu. Nasib baik pada masa itu saya tidak jadi Menteri. Saya jadi budak sekolah bukan di sekolah rendah jenis kebangsaan tetapi di sekolah architecture. Tetapi pada fikifan saya, Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu kita telah meraakan masa sebab kita suka mendapatkan satu reka-bentuk yang lebih sesuai; kita tidak dapat satu reka-bentuk yang sesuai.

Yang kedua, kita tidak ada perbincangan yang rapat dengan Negeri Pulau Pinang. Negeri Pulau Pinang pun pada masa itu, pada permulaannya kata mereka suka mengadakan satu jambatan menyeberangi laut yang sedia ada, yang kedua mereka suka juga mengadakan satu terowong di bawah laut. Jadi, oleh kerana diadakan dua cadangan ini tidak mendapat apa-apa keputusan. Sebab itu sahajalah kita memakan masa yang lebih.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, Berpandukan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai soal penjualan Jambatan Pulau Pinang kepada Kerajaan Pulau Pinang sudah tidak berbangkit pada ketika ini. Dan berpandukan kepada jawapan ini juga jika kita memperhitungkan untung rugi dari segi wang semata-mata, ternyata Kerajaan Pusat terpaksa menanggung kurang lebih \$67 juta bagi membayar interest 'tiap-tiap tahun dari segi kewangan sahaja.

Apakah Kerajaan tidak mengambil hitung kira dengan terlaksananya jambatan ini untuk mewujudkan keuntungan dari segi-segi lain? Umpamanya dari segi perkembangan tourism industry, dengan izin, ataupun dengan memberi kemudahan perjalanan kepada seluruh rakyat jelata di tanahair ini, ataupun dari segi strategi pertahanan dan sebagainya yang lain lagi. Itulah soalan saya, apakah pembinaan Jambatan Pulau Pinang ini semata-mata harus diperhitungkan untung rugi daripada segi kewangan sahaja atau ada faktor-faktor yang lain yang boleh memberi keuntungan pada negara ini termasuklah soal imej negara ini di mata dunia?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Jambatan Pulau Pinang ini bukanlah dengan satu tujuan untuk mendapat balik atau mengutip perbelanjaan yang telah berlaku dari Jambatan Pulau Pinang ini. Keputusan Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutuan ialah untuk memberi lebih ketnudahan kepada rakyat jelata di Negeri Pulau pinang yang boleh mahu lebih hubungan dengan Tanah Besar, itu yang pertama.

Kedua, saya percaya masa depan apabila kita siapkan Lebuhraya Utara/Selatan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli itu boleh dapat diselesaikan dengan lebih pelancong memasuki Pulau Pinang itu melalui jalan-jalan akan dibina dan juga melalui Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada.

#### PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

2. **Tuan Haji Shuiab bin Lazim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat ini adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berjaya membantu para pembeli dan para pemaju perumahan yang terbengkalai projek-projek mereka, kerana berbagai masalah. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian berkenaan:

- (i) berapa banyakkah projek-projek yang terbengkalai setakat ini di seluruh negara dan apakah sebabnya;
- (ii) sejauh manakah peranan yang telah dimainkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang benar-benar berkesan, untuk membantu para pemaju dan- para pembeli yang mengalami berbagai masalah dalam projek-projek perumahan yang terbengkalai; dan
- (iii) sejauh manakah para pemaju telah menyambut cadangan Kerajaan untuk menyiapkan projek terbengkalai dengan mengurangkan penggunaan bahan-bahan mewah bagi mengurangkan kos pembinaan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Napsiah binti Omar]**

[Tuan Yang di-Pertua,, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31hb Disember, 1986, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenal pasiti sebanyak 126 projek perumahan swasta yang terbengkalai di seluruh Semenanjung. Antara sebab-sebab projek perumahan iai terbengkalai adalah seperti berikut:-

- (a) Pemaju menghadapi masalah kewangan. Kewangan syarikat tidak digunakan untuk projek yang telah ditetapkan oleh bank ataupun institusi. kewangan dan akibatnya kekurangan wang untuk meneruskan projek.
- (b) Pemaju tidak mempunyai keupayaan dan pengalaman darisegi pengurusan dan pentadbiran projek.
- (c) Pemaju menghentikan dan meninggalkan langsung projek berkenaan setelah mendapat pulangan keuntungan dari bayaran kemajuan di peringkat awal dan kemudiannya berpindah-randah dan tidak dapat dikesan dan ini telah menyulitkan Kementerian dan pembeli-pembeli untuk berhubung dengan mereka. Syarikat, pemaju perumahan **terlibat** dengan penggulungan syarikat secara sukarela atau secara petintah mahkamah. Keadaan ini berlaku setelah pihak piutang dari bank atau institusi kewangan dan pembekal. barang-barang mengambil tindakan undang-undang akibat dari kegagalan pemaju menyelesaikan hutang piutang mereka.

- (e) Pertikaian pemaju dengan tuan tanah yang melibatkan tindakan mahkamah juga boleh menggagalkan sesuatu projek.
- (ii) Untuk membantu pemaju-pemaju dan pembeli-pembeli yang mengalami berbagai masalah di dalam projek-projek perumahan yang terbengkalai. ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:-
- (1) mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli untuk memberi penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil bagi memulihkan projek;
  - (2) meminta pembeli-pembeli menubuhkan Jawatankuasa Pembeli-pembeli;
  - (3) membuat kajian kemungkinan atau feasibility study, dengan izin, ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan;
  - (5) mengadakan perbincangan dengan pihak bank atau institusi-institusi kewangan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat;
  - (6) mengadakan perbincangan dengan piutang- piutang; dan
  - (7) mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek dipulihkan.

Pada dasarnya kebanyakan pemaju dan pembeli-pembeli bersetuju dengan cadangan Kerajaan untuk menyiapkan projek terbengkalai dengan mengurangkan penggunaan bahan-bahan mewah bagi mengurangkan kos pembinaan. Walau bagaimanapun, perkara ini melibatkan pihak-pihak tertentu seperti pemaju, pembeli dan Pihak Berkuasa Tempatan dari segi pertukaran spesifikasi.

Pemaju dan pembeli adalah terikat dengan surat perjanjian Jual-Beli yang ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. Dengan itu persetujuan pembeli perlu diperolehi bagi mengelakkan sebarang tindakan mahkamah oleh pembeli kelak.

Persetujuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan juga penting bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul untuk mendapatkan "Sijil Layak Menduduki".

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Memandangkan keseluruhan negara kita ada lebih kurang 126 projek perumahan terbengkalai, dan tindakan ataupun ada cadangan daripada Kementerian yang berkenaan untuk membantu pembeli-pembeli rumah menyempurnakaa projek tersebut, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada satu bahagian atau jabatan khas ataupun jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengambil tindakan yang serius terhadap projek-projek tersebut. Saya menyentuh soal ini kerana memandangkan ada beberapa projek di dalam negara kita, bukan sahaja terbengkalai, tetapi para pembeli-pembeli telahpun mendapat pinjaman daripada bank dan telah mula membayar ansuran-ansuran atau instalment mereka dengan izin, sehingga ada setengah-setengah kaki tangan Kerajaan pun telah mendapat pinjaman daripada Kerajaan

dan instalment mereka pun telah mula dibayar, sehingga hari ini mereka dapati rumah mereka masih belum disempurnakan. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di sini dan meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada satu jawatankuasa khas ditubuhkan supaya mengkaji tiap-tiap satu projek yang ada di dalam negara ini dengan cara membantu dan menjamin kepentingan pembeli-pembeli rumah.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada diwujudkan di dalam Kementerian satu unit yang menjaga berkenaan dengan projek-projek terbengkalai ini yang memberi perhatian yang berat kepada projek-projek terbengkalai ini. Jadi, Ahli Yang Berhormat janganlah khuatir kerana setakat ini banyak juga projek yang kita telah dapat siap dan selesaikan. Daripada 126 projek itu jumlah yang kita telah siapkan adalah 11 unit, jumlah projek yang telah meraperolehi "Sijil Layak Menduduki" (CFO) sebanyak 9 unit dan jumlah projek yang sedang berjalan/ataupun sedang dalam proses untuk dipulih sebanyak 19 unit. Kita telah memberi segala usaha dan perhatian untuk memulihkan projek-projek ini.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberi tahu Dewan, bagaimana pula jika sekiranya berlaku pemaju-pemaju perumahan yang memajukan projek di kawasan setinggan yang mana terdapat pembeli-pembeli di kawasan setinggan itu ada yang langsung tidak mampu mendapatkan pinjaman daripada bank, Adakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga mengambil tahu dan serta menasihatkan kepada pemaju supaya tidak menyingkir orang itu

dan juga diberi peluang kepada orang itu menyertai projek itu.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak terkeluar sedikit daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, ingin saya memberitahu Ahli Yang Berhormat di mana projek-projek perumahan disediakan di atas tapak di mana setinggan-setinggan itu sedang berada, selalunya perjanjian dibuat antara setinggan-setinggan dan pemaju projek perumahan itu supaya mereka itu kadang-kadang diberi rumah yang mungkin bayarannya beberapa peratus pula dikecualikan atau tidak perlu mereka bayar. Jadi mereka dapat rumah yang agak murah ataupun mereka diberi rumah-rumah yang harganya istimewa. Saya tidak pula pernah mendapat laporan di mana setinggan-setinggan ini disingkir begitu sahaja tanpa diberi apa-apa pampasan, oleh pihak pemaju.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini negeri manakah yang paling banyak sekali mengalami masalah perumahan yang terbengkalai dan yang kedua sejauh ini apakah sambutan para pembeli ini di atas nasihat Kementerian ini untuk menujuhan jawatankuasa bagi mengatasi masalah mereka.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dari maklumat yang telah kami kumpulkan di Kementerian, kami dapati negeri Perak dan negeri Johor mempunyai projek-projek terbengkalai yang terbanyak sekali iaitu sebanyak 40 projek.

Tiap-tiap projek yang mana kami telah kesan ini sememanglah diminta pembeli-pembeli itu untuk menubuhkan Jawatankuasa dan setakat ini sambutannya adalah baik. Sebab itu kita dapat menjalankan usaha untuk memulihkannya. Tanpa kerjasama daripada pembeli-pembeli ataupun oleh pemaju-pemajuan juga institusi-institusi kewangan maka Kementerian tidak dapatlah membuat apa-apa kerana pembeli dan pemaju yang membuat perjanjian iaitu yang menandatangani perjanjian jual-beli dan pihak Kementerian tidak terlibat di dalam kontrak ataupun perjanjian yang kedua-dua pihak ini buat.

**Tuan C. Krishnan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan apakah tindakannya terhadap pihak Majlis Daerah yang telahpun mengeluarkan "Sijil Layak Menduduki" sebelum bekalan api dan air disediakan. Sekiranya mereka telah keluarkan sijil itu, apa tindakan Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** I think that is irrelevant. Minta maaf, saya rasa itu bukan berkaitan dengan soalan asal. Ini pertanyaan baru iaitu berkenaan dengan permit. Soalan asalnya ialah berhubung dengan projek perumahan yang terbengkalai. Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu jawab, saya tidak paksa.

**Puan Napsiah binti Omar:** Ya, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah kadang-kadang memangnya betul mengikut perjanjian selalunya sebelura "CFO" ini dikeluarkan, api dan air perlu diperolehi. Tetapi kadang-kadang Pihak berkuasa Tempatan itu mempunyai by-lawsaya tersendiri dan di sini kira tidak dapatlah membuat apa-apa hanyalah untuk menasihatkan mereka sahaja.

**Tuan Ng Peug Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kepada yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan saya ingin mengemukakan soalan ini kerana memandangkan 126 projek terbengkalai di seluruh negara, saya berpendapat ini bukan sahaja kerana kemelesetan ekonomi, kadangkala setengah-setengah projek itu terbengkalai adalah kerana syarat-syarat yang dikenakan oleh Pengguna Tempatan. Contohnya, ada setengah-setengah projek yang mana tanah mereka tanah SG - Free hold, dengan izin, tetapi mereka dikenakan dengan syarat kuota bumiputera 80% hingga 100%. Kepada para pemaju siapa yang sanggup membeli projek, mereka sanggup menjual. Tetapi kerana saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada setengah-setengah kaum bumiputera tidak suka membeli rumah yang dikhaskan untuk bumiputera. /Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. sama ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengambil satu tindakan ataupun langkah-langkah untuk menyelaraskan semua Pengguna-pengguna Tempatan di seluruh negara ini supaya syarat-syarat yang dikenakan kepada projek perumahan ini tidak akan membebankan pemaju-pemaju, khususnya kepada projek-projek yang kos rendah dan projek-projek yang kos sederhana.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini tidak timbul kerana sebelum sesuatu projek itu dimulakan semua pihak yang berkenaan termasuklah pihak Pengguna Kerajaan Tempatan perlu memberi kebenaran dahulu sebelum projek ini dapat dijalankan dan tentulah pihak berkuasa ini mengambil kira juga berkenaan dengan status tanah itu dan di sini terpulanglah pula kepada pihak pemaju untuk membuat perancangan ataupun marketing strategy mereka sebelum mereka melancarkan satu-satu projek supaya rumah-rumah Itu semuanya laku dan tidak terdapat satu keadaan di mana rumah-rumah tidak dapat dijual.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, ada projek-projek perumahan yang terbengkalai selama 10 tahun. Bolehkah Yang Berhormat Kementerian ini memberikan satu tempoh masa di mana masalah projek-projek terbengkalai dapat diselesaikan?

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian jual beli, seseorang pembeli itu perlu mendapat rumahnya sehabis lamanya tempoh 24 bulan setelah dia menandatangani perjanjian jual beli. Jadi, di dalam kes yang mana satu projek yang telah terbengkalai selama 10 tahun, mungkin ada masalah-masalah yang kita tidak dapat mengatasinya, kemungkinan juga pemaju itu tidak dapat dikesan, kemungkinan juga pembeli-pembeli tidak tahu di mana mereka berada. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui berkenaan dengan projek ini, silalah bawa dan beritahu di mana projek ini terdapat, siapa pembelinya serta siapa pemajunya dan inysa Allah saya akan cuba mengatasi masalah ini.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang akhirnya untuk soalan tambahan. Selepas ini tidak boleh lagi.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi membantu pemaju-pemaju agar projek tidak terbengkalai, khususnya pemaju-pemaju yang melaksanakan rancangan rumah murah, dengan izin, low-cost housing, Kerajaan pernah mengumumkan bahawa- mereka akan dibantu untuk membekalkan bahan-bahan dengan harga yang murah seperti simen umpamanya. Kerajaan pernah berjanji untuk menjual simen kepada mereka dengan harga \$4.80, tetapi sekarang di Kelantan, contohnya, pemaju-pemaju terpaksa membeli dengan harga \$7.60 - ertiya jika hendak dikira, kos pengangkutannya sudah jadi \$2.80. Tidak mungkin satu sumpit simen kos pengangkutannya daripada-kilang ke Kelantan dengan perbelanjaan \$2.80. Tetapi mengapa keadaan demikian berlaku?

Soalan kedua, katanya simen yang ditawarkan oleh Kerajaan ini tidak terlaksana di Wilayah Persekutuan dan di Selangor. Apa benar, apa tidak, kata-kata ini?

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya pihak pembekal simen, iaitu Pasaran Simen Negara, pihak Kementerian dan juga Bank Negara, kalau tidak silap saya, telahpun mengadakan satu perundingan di mana kos harga simen ini tadi akan dapat dipasarkan dengan harga yang sederhana kepada semua pemaju-pemaju di seluruh negara dan ini termasuklah Wilayah Persekutuan dan juga negeri Selangor. Berkenaan dengan kos simen di Kelantan yang harganya sampai \$7.60, kalau tidak silap saya, satu perjanjian atau satu persetujuan telahpun dicapai di mana harga simen ini akan juga termasuk kos pengangkutannya, dan saya kurang ingat pula berapa, tetapi rasa saya kurang daripada \$7.60.

**PENGEMIS TEMPATAN/ASING - JUMLAH**

**3. Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan jumlah pengemis-pengemis tempatan dan pengemis-pengemis asing yang telah diberkas oleh Kementerian pada tahun 1986 dan nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan supaya mereka-mereka itu tidak mengulangi kegiatan mengemis di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986 seramai 1,538 orang pengemis tempatan dan 162 orang pengemis asing telah diberkas oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Bagi pengemis tempatan, Kementerian Kebajikan Masyarakat mengambil beberapa langkah dari segi pemulihan mereka. Bagi mereka yang tua dan uzur yang berusia enam puluh tahun ke atas dan jika mempunyai sanak-saudara atau sahabat handai yang sanggup menjaganya maka mereka akan diberi bantuan di bawah skim bantuan orang tua sebanyak \$50.00 sebulan. Di samping itu pula mereka diletakkan di bawah pengawasan saudara-mara atau sahabat handai mereka dan juga diberi seliaan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat. Bagi mereka yang tidak mempunyai saudara-mara atau tempat tinggal yang sesuai, mereka ini akan dimasukkan ke Rumah Orang Tua yang dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan di bawah pentadbiran Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Bagi mereka yang muda, jika tidak mempunyai sebarang kemahiran, mereka dimasukkan ke Pusat Pemulihan Pengemis dikenali sebagai 'Desa Binadiri Mersing' untuk menjalani latihan dan pemulihan di dalam

beberapa hidang kemahiran yang sesuai bagi mereka. Setelah mereka mendapat kemahiran dan didapati sesuai untuk dibebaskan, mereka akan diberi kemudahan Bantuan Geran Pelancaran atau penempatan pekerjaan dan diletakkan di bawah seliaan Pegawai Kebajikan Masyarakat selama satu tahun untuk menentukan kejayaan di segi penyerapan mereka semula ke dalam masyarakat.

Bagi mereka yang tidak dimasukkan ke Desa Binadiri Mersing, mereka ini akan diletakkan di bawah seliaan Pegawai Kebajikan Masyarakat dan jika layak akan diberi bantuan Geran Pelancaran untuk membantu mereka memulakan sesuatu projek kecil dan jika tidak layak mereka ini akan diberi bantuan am supaya mereka tidak akan mengulangi lagi tabiat mengemis sebagai satu mata pencarian.

Bagi pengemis asing, Kementerian Kebajikan Masyarakat menyerahkan mereka kepada Jabatan Imigeresen untuk didakwa di bawah Akta Imigeresen dengan dikuasai oleh Pejabat itu. Terima kasih.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dari Kementerian Kebajikan, sama ada mereka sedar bahawa ada sindiket yang menggunakan orang-orang cacat penglihatan menjalankan kegiatan mengemis daripada pelancong-pelancong. Saya menimbulkan soalan ini kerana kita dapati bahawa ada satu sindiket yang menggunakan orang-orang cacat penglihatan dengan membawa mereka dengan kenderaan dari satu pekah ke satu pekan, ataupun dari satu bandar ke bandar dan memintanya menjalankan kegiatan mengemis daripada penduduk-penduduk ataupun pelancong-pelancong. Saya minta Kementerian Kebajikan Masyarakat menyiasat ini kerana ini adalah satu kegiatan yang akan menjelaskan imej negara kita.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Yang Berhormat Kementerian masa sekarang tidak sedar ada sindiket seperti yang disaran-kan oleh Yang Berhormat, tetapi jika ada sindiket macam itu, saya haraplah Yang Berhormat dapat berhubung dengan Pejabat Kebajikan di kawasan Yang Berhormat itu.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada pihak Kementerian, dari jumlah pengemis-pengemis yang diberkas ini bolehkah pihak Kementerian menyatakan kepada Dewan ini pecahan dari segi umurnya, yang mana lebih yang Pertua yang muda, yang kanak-kanak dan juga dari segi jantinanya - yang lelaki, yang perempuan dan yang ketiganya, dari segi latar belakang kaumnya.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada sedikit angka-angka mengenat soalan Yang Berhormat tadi tetapi saya minta maaflah sebab angka-angka lain seperti jantina dan kaum itu tidak ada di sini.

Mengenai umur, seramai 600 orang pengemis yang didapati dari serbuan oleh Kementerian di tahun 1986, ada 45 orang yang bolehlah dikatakan di bawah umur 18 tahun iaitu kanak-kauak atau minor, dengan izin, iaitu lebih kurang 8% jumlahnya.

Jikalau Yang Berhormat berkehendakkan angka-angka yang lain, saya haraplah Yang Berhormat dapat menulis satu surat kepada saya dan saya menjamin dapat memberikan semua angka-angka itu.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, di antara angka 162 orang pengemis asing, berapakah yang datang secara haram dan berapa ramaikah yang datang secara halal? **[Ketawa]**

Yang kedua, apabila dibuat penangkapan kemudian diserahkan kepada Imigresen, berapa lamakah tempoh mereka itu baru dihantar balik ke negara asalaya?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah jawab iaitu Kementerian ini menyerahkan pengemis asing kepada Jabatan Imigresen. Pertanyaan Yang Berhormat tadi hendak tahu berapa orang pengemis asing ini yang datang secara baram, saya minta maatlah, ini saya tidak tahu sama ada semua pengemis asing itu datang ke negara ini secara haram atau tidak. Saya fikir Kementerian Luar Bandar atau lain-lain Kementerian yang berkenaan dapat menjawab itu.

Mengenai jumlah 144 pengemis asing dari tahun 1985, saya boleh memberikan angka jikalau Yang Berhormat hendak, seperti berapa yang dapat dari serbuan di negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan pada tahun itu ada 85; Johor ada 26; Pulau Pinang 17, Perak 8, Selangor 7 dan Kedah 1. Dalam tahun 1986, dari jumlah 162 pengemis asing yang diberkas, yang banyak dari Wilayah Persekutuan iaitu 35; di Johor 33; di Pulau Pinang 28; di Pahang 24; di Kedah 23; di Selangor 12 dan di Kelantan hanya 7.

**Dr. Nordin Selat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu siapakah yang dikatakan pengemis ini sebab kadang-kadang kita lihat ada yang main band dan dapat duit, apakah mereka ini juga pengemis?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Kalau kita buat satu definisi, pengemis ialah, seperti biasa semua kita boleh maklum, jika seorang yang minta pertolongan atau minta duit atau lain-lain benda, yang tidak ada mempunyai satu lesen atau satu quatification untuk mendapatkan bantuan dari rakyat jelata. Ini satu 'common definttion', dengan izin, mengenai pengemis.

Kementerian Kebajikan di peringkat negeri menang sedar dan ada aturcara untuk mengawasi orang-orang yang minta bantuan macam itu.

**Dr. Nordin Selat:** Yang Berhormat. Setlausaha Parlimen ada menyebut pengemis ini ialah yang minta duit atau lain benda. Apa dia lain benda itu? [Ketawa]

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Seperti makanan. Saya fikir itupun termasuk, macam satu keadaan pengemis.

**Tuan Yang di—Pertua:** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup. Dalam satu jam baru 3 soalan dapat dijawab!

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 4 hingga 56 adalah

## USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUABAT  
DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari **ini**, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat: sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat; 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturaa Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung setnula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb Mac, 1987)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Haron.

#### **4.03 ptg.**

**Tuan Haji Jaafar bin Haron:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian ini sebagaimana yang kita maklumi ada beberapa Akta, saya rasa lebih daripada 10 Akta, untuk dijadikan panduan dan pendoman bagi diikuti oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan kita termasuklah satu daripadanya Akta yang dibentangkan semalam iaitu Akta Perihal Dagangan 1972 bagi pindaan 1986. Saya rasa Akta ini sejak ditubuhkan pada tahun 1972 dahulu telah dibuat juga pindaan pada tahun 1982 dan pada hari ini dibuat pindaan untuk kali yang keduanya, jika tidak silap saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan kerana telah membuat pindaan kali yang keduanya Akta ini dan ini menunjukkan betapa pentingnya Peri-

hal Dagangan bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada rakyat negara kita sendiri, kerana perdagangan ini melibatkan ekonomi negara dan rakyat juga terutama sekali dari segi pembelian barang-barang bukan sahaja orang-orang kampung luar bandar tetapi juga orang-orang dalam bandar sendiri. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Akta Perihal Dagangan ini saya sememangnya menyokong penuh untuk diluluskan kerana ianya bertujuan untuk mencegah penipuan barang-barang yang palsu membanjiri pasaran (market) dengan tujuan menipu orang ramai.

Selain daripada itu juga, saya natnpak dengan adanya Akta ini boleh mencegah peniaga-peniaga kita daripada mengambil keuntungan yang berlebihan dan juga untuk mecegah peniaga-peniaga kita menjual barang-barang tiruan. Maka dengan adanya Akta ini juga, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita dapat mencegah lain-lain amalan perniagaan peniaga-peniaga kita yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu dan sama-sama kita alami bahawa, peniaga-peniaga terutama sekali syarikat-syarikat yang besar-besar mereka menjalankan perniagaannya, dengan bermacam-macam cara untuk mendapatkan keuntungan. Apakala hampir hari raya ,misalnya sama ada Hari Raya Puasa atau Hari Raya Haji ataupun Hari Raya Cina dan sebagainya mereka membuat kegiatan-kegiatan menjual musim perayaan ataupun jualan murah dan sebagainya. Jadi, dalam setahun itu berbagai-bagai aktiviti penjualan-penjualan murah dilakukan oleh peniaga-peniaga kita. Jadi, Rang Undang-undang ini saya nampak boleh mengawal aktiviti-aktiviti penjual murah atau penjualan musim perayaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Fasal 3 bertujuan memasukkan Seksyen 14 yang baru berhubung dengan jualan murah. Jualan murah ini, Tuan Yang di-Pertua, dilakukan oleh peniaga-peniaga kita dengan bermacam-macam cara, ada kalanya peniaga-peniaga kita jual murah barang-barangnya. Lepas itu ada pula jualan barang-barang dinanukan jualan habis-habisan. Kemudian ada musimnya dilakukan jualan musim perayaan. Jika di dalam masa percutian sekolah pun diadakan jualan musim percutian. Selain daripada itu dilakukan pula jualan lelong, kemudian ada pula jualan yang dinamakan tawaran istimewa. Walaupun barang-barang itu dijual murah dengan bermacam-macam cara, masalahnya ialah adakah barang-barang yang dijual itu sebenarnya murah daripada harga asalnya? Contohnya satu barang ditawarkan harga \$10 untuk masa sekarang dengan memotong harga-harganya yang didakwa pernah dijual pada masa lepas sebanyak \$15. Jadi, adakah sebeaarnya harga \$15 itu dijualkan pada masa lepas atau memang harga yang dijual sekarang ini sememangnya harga yang telah dijual pada masa yang lepas? Jadi, kalau begitu tentulah tiada harga murah dan ini adalah satu penipuan peniaga-peniaga kepada pembeli-pembeli kita. Oleh itu, dengan adanya Rang Undang-undang ini boleh memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan tertentu bagi mengawal kegiatan-kegiatan peniaga yang bertentangan dengan undang-undang negara kita.

[Lt . Kol. (B) Abdul Hamid **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 15A Akta ibu berhubung dengan bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan. Ini ada kaitan dengan menyentuh iklan dan kenyataan palsu yang mengelirukan orang ramai

sama ada berhubung dengan perkhidmatan tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan. Sebagai contoh, misalnya dalam bidang pelancongan di dalam iklannya tidak mengambarkan sebagaimana kemudahan-kemudahan seperti yang dijalankan. Kita katalah dalam khidmat orang-orang pergi menunaikan fardu haji ke Mekah misalnya, mereka menyatakan bayaran sepenuhnya sahaja pada hal apakala mereka pergi dengan badan pelancong itu ada lagi beberapa bayaran yang terpaksa dibayar. Dalam iklan semua perkhidmatan ada, sampai masanya tidak ada. Dengan adanya seksyen 15A ini dapat dimasukkan kadar harga bagi perkhidmatan dengan tujuan mengawal supaya pembeli-pembeli khidmat ini dapat perkhidmatan dan perlindungan serta kemudahan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Fasal 5 seksyen 18 bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta ibu. Saya nampak tujuannya supaya Menteri boleh mengadakan satu penalti yang bukan hanya meliputi Akta ibu bahkan meliputi semua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta tersebut bagi melicinkan pentadbiran Menteri yang bertanggung-jawab.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berhubung dengan pelaksanaan penandaan harga barang-barang jualan. Semenjak peraturan dibuat peniaga-peniaga kita telah menandakan harga barang-barangnya untuk dijual kepada pembeli-pembeli.

Dalam perkara **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat tahu daripada Menteri berkenaan iaitu pelaksanaan penandaan harga barang~barang yang dijalankan oleh peniaga-peniaga itu sekarang ini setakat mana kesannya kepada orang ramai kerana dalam pelaksanaan perkara ini terdapat suatu masalah, iaitu keadaan pembeli-pembeli kebanyakau terikat di sesebuah kedai atas sebab-sebab hutang dan sebagainya. Jadi, kuasa ia untuk memilih membeli barang-barang itu sudah lemah sebab mereka terikat. Oleh **itu**, mereka terpaksa membeli apa sahaja harga yang ditetapkan oleh pekedai bagi harga-harga yang tidak ada kawalan secara pentadbiran atau secara undang-undang. Jadi, ini menyebabkan pembeli-pembeli tidak mendapat faedah perlindungan dari segi undang-undang berkenaan.

Oleh **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan sapaya penandaan harga hanya dimestikan kepada barang-barang yang dikawal oleh Kerajaan sahsia, bukan semua sekali ataupun ditambah bilangan barang-barang atas barang-barang keperluan harian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan **ini**, saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

#### **4.12ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk menyampaikan pandangan,

teguran dan menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 ini. Seterusnya izinkanlah saya untuk menyentuh beberapa perkara pokok yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan,

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin semasa berucap menyokong Rang Undang-undang ini telah memberitahu Dewan yang mulia ini pengalaman beliau semasa melancong ke Eropah di mana beliau telah terpaksa membayar lebih daripada jumlah yang disebutkan dalam iklan.

Ahli Yang Berhormat pula telah memberitahu Dewan yang mulia ini tentang kawannya dari luar negeri yang tertarik dengan iklan untuk melancong ke Melaka yang kemudiannya mendapati bahawa iklan itu indah khabar dari rupa sahaja. Malangnya, Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak melaporkan perkara ini kepada pihak berkuasa dengan serta-merta untuk membolehkan tindakan sewajarnya diambil.

Sukacita saya memaklumkan bahawa dalam pencegahan amalan penyelewengan seperti ini, kerjasama orang ramai, khususnya para pengguna adalah perlu. Para pengguna hendaklah melaporkan segera kepada pihak berkuasa jika berlaku penyelewegan atau jika disyaki ada penyelewengan bagi membolehkan tindakan berkesan diambil.

Yang Berhormat Senator Ng Peng Hong alias Ng Peng Hay juga telah membangkitkan perkara-perkara berikut:-

- (1) Restoran telah membekalkan makanan dengan harga yang tinggi kepada pelancong-pelancong;
- (2) Amalan jualan dari rumah ke rumah; dan
- (3) Rumah tumpangan haram.

Sukacita saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa undang-undang, iaitu peraturan kawalan harga penandaan harga oleh peruncit 1977 telah mewajibkan seseorang penjual runcit termasuk restoran meletakkan tandaharga kepada barang-barang untuk jualan. Kegalanan mematuhinya adalah sata kesalahan. Sekiranya jualan dibuat melebihi daripada harga yang ditandakan pula adalah satu kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Dalam hubungan ini masalahnya ialah pengguna tidak melaporkan kepada pihak berkuasa apabila beliau telah dikenakan bayaran yang tinggi.

Begitu juga dengan amalan jualan dari rumah ke rumah. Amalan jualan cara ini bukanlah menyalahi undang-undang selagi ianya tidak menggunakan apa juga cara yang boleh mengelirukan pengguna. Para pengguna hendaklah berhati-hati dalam membuat sesuatu pembelian dan jika difikirkan ada berlaku penyelewengan hendaklah melaporkan dengan segera kepada pihak berkuasa disertakan dengan maklumat-maklumat lengkap.

Berhubung dengan kegiatan rumah tumpangan haram pula, sukacita dimaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Pihak-berkuasa Tempatan dan di luar bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, yang Barhormat Senator. Haji Shaharom bin Haji Maasom pada pembukaan ucapan di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini telah menyentuh perkataan perbahajaan yang telah disebutkan sebagai "perbahasan".

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini perkataan perbahasaan membawa maksud expression, dengan izin. Perkataan ini adalah satu

istilah undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Walau bagaimanapun, bak kata orang:

Dari bandar ke rumah Encik Hassan,  
Membawa balik muatan baja,  
Perkataan perbahasaan disebutkan perbahasan,  
Sebutan dibuat tidak sengaja [Tepuk].

Dari Batu Laut pergi ke Kajang,  
Perjalanan bas melalui Bangsar,  
Lidah Senator mungkin panjang,  
Lidah saya pendek dan kasar.

Menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator yang berkenaan pula bolehlah saya simpulkan bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkannya adalah terkeluar daripada skop Akta Perihal Dagaagan. Akta Perihal Dagangan 1972 bukanlah bertujuan untuk mengawal harga barang, tetapi bertujuan untuk meugawasi penggunaan sesuatu expression, dengan izin, atau petunjuk yang digunakan dalam menjalankan perdagangan supaya ianya tidak palsu atau mengelirukan.

Mengenai barang-barang makanan dalam tin berkarat dan sebagainya, sukalah saya memaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan melalui penguatkuasaan Peraturan Makanan 1985.

Mengenai penyalahgunaan petunjuk atau perihal kepada barang, sukacitalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengawasinya dan tindakan-tindakan tegas telah diambil. Sebagai bukti di sini saya sampaikan butir-butir tindakan yang telah diambil dalam tahun 1982 hingga 1986;

Tahun	Jumlah Kes	Nilai Barang Rampasan	Denda
1982	282	\$ 452 ,592 .41	\$258 ,107 .75
1983	169	\$1 ,299 ,492 .36	\$195 ,400 .00
1984	179	\$ 212 ,333 .38	\$128 ,445 .00
1985	193	\$ 321 ,509 .56	\$ 99 ,550 .00
1986	222	9 136 ,631 .16	\$ 74 ,904 .38
Jumlah	<u>1,045</u>	<u>\$2 ,422 ,558 .87</u>	<u>\$756 ,407 .13</u>

-.-.^

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keupayaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menguatkuaskan Akta ini dengan berkesan, yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon, suka-citalah saya memaklumkah bahawa Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai 28 Pejabat-pejabat Cawangan di seluruh negara daa berkemampuan untuk mengimplementasikan Akta ini dengan berkesan,

Yang Berhormat Senator Haji Jaafar Harun menyentuh mengenai kaedah dan amalan jualan muka pada masa kini dan meragukan kejujurannya, di samping itu beliau menekankan pelaksanaan tanda harga. Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ini adalah untuk menentukan supaya amalan yang digunakan untuk menarik perhatian pengguna besar betul, sahih dan tepat.

Mengenai mengadakan tanda-harga bukanlah semua diwajibkan, tetapi hanya untuk jenis barang-barang tententu iaitu untuk barang-barang yang perlu dan 'attractive', dengan izin. Tujuannya ialah untuk memberi peluang kepada pengguna membuat perbandingan sebelum membuat pembelian.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sukacitalah saya mengatakan bahawa bagi semua perkara yang telah dibangkitkan, akan diambil perhatian juga. Sekian, terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Lt. Kol. (B) Abdul Hamid mempengerusikan Jawatankuasa]

**Fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan,

#### **RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **4.23 ptg.**

**Dato Kok. Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan laitu Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubung dengan hakcipta dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, serta memansuhkan Akta Hakcipta, 1969 yang sedia ada.

Tujuan Kerajaan mencadangkan Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 ini adalah untuk menentukan perlindungan hakcipta terjamin dan memenuhi perkembangan-perkembangan semasa dalam industri, supaya pengarang, seniman dan karyawan-karyawan lainnya dapat menikmati faedah atau imbuhan daripada penggunaan karya-karya masing-masing bagi mendorong mereka untuk lebih kreatif dalam menghasilkan karya yang berguna kepada bangsa dan negara, serta membolehkan industri-industri berkaitan berkembang dengan sihat.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sesuatu karya, baik dalam bentuk sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi atau siaran, adalah dianggap sama dengan harta benda iain, yang mana penciptanya atau pemiliknya mempunyai hak-hak dari segi ekonomi dan moral ke atas karya-kauya yang mereka hasilkan dan hak-hak ini perlulah ditentukan dan dilindungi oleh undang-undang.

Undang-undang yang menentukan dan melindungi hak-hak pencipta yang berkuatkuasa di seluruh negara pada masa ini ialah Akta Hakcipta, 1969. Perkembangan pesat dalam sains dan teknologi, khususnya di bidang penyalinan semula (reproduction), penyiaran dan penyebaran kepada umum telah menyebabkan Akta Hakcipta, 1969 yang berkuatkuasa mulai 1hb Ogos, 1969 ini tidak lagi memenuhi perkembangan-perkembangan semasa dalam industri berkenaan. Pihak-pihak yang terlibat iaitu para karyawan dan industri-industri berkaitan, khususnya industri percetakan dan penerbitan buku, muzik, perfileman dati perakaman bunyi, telah menggesa Kerajaan supaya mengemaskinikan undang-undang berhubung dengan hakcipta ini.

Penggubalan Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 ini dibuat selepas beberapa perbincangan dengan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan serta wakil-wakil daripada pihak-pihak swasta seperti Majlis Peguam, Lembaga Arkitek, Dewan-dewan Perniagaan, Persatuan Pemuzik, Persatuan Penyanyi, Persrtuan Seniman, Persatuan Penerbit filem, Persatuan Penerbit-penerbit Buku, Persatuan Pengeluar dan Pengedar Pita Video, Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga badan-badan antarabangsa seperti World Intellectual Property Organisation (WIPO).

Semasa Rang Undang-undang ini masih di peringkat penggubalan, pihak-pihak yang terlibat dalam bidang hakcipta telah juga diminta memberi pandangan, ulasan dan cadangan balas. Secara keseluruhan-nya, semua pihak yang terlibat, baik dari kalangan Kerajaan mahupun swasta atau orang perseorangan, telah menyambut baik peruntukan-peruntukan yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menghuraikan **ciri-ciri** utama yang dicadangan di dalam Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini dan perbandingannya dengan peruntukan Peruntukan yang didapati di dalam Akta Hakcipta 1969.

Pertamanya, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini mencadangkan satu takrif baru karya sastera supaya meliputi juga program komputer atau penyusunan program komputer dan seterusnya memberi perlindungan

hakcipta kepada program komputer. Di bawah Akta Hakcipta 1969, peruntukan berhubung dengan perlindungan hakcipta ke atas program komputer adalah tidak jelas. Ini telah menyebabkan karyawan-karyawan tempatan merasakan was-was untuk menyebar dan memasarkan program-program komputer ciptaan mereka kerana khuatir mereka tidak dilindungi oleh undang-undang. Dengan cadangan ini, golongan profesional dalam program komputer akan berupaya menghasilkan program-program komputer dengan lebih kreatif kerana hak-hak ke atas karya mereka dilindungi oleh undang-undang.

Kedua, Rang undang-undang ini mencadangkan supaya prosedur bagi karya rakaman bunyi mendapatkan perlindungan hakcipta disamakan dengan karya-karya lain seperti karya muzik, seni atau Filem. Mengikut Akta Hakcipta 1969, karya rakaman bunyi hanya layak diberi perlindungan hakcipta jika ianya diperbuat di Malaysia, sedangkan syarat ini tidak dikenakan ke atas karya muzik, seni atau filem. Dengan cadangan ini, ketidakseimbangan tersebut dapat dihapuskan.

Ketiga, penguatkuasaan Akta Hakcipta 1969 adalah di bawah bidang kuasa polis, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri berkenaan iaitu pada masa ini Menteri Perdagangan dan Perindustrian, diberi kuasa untuk melantik seorang Pengawal Hakcipta dan beberapa orang Timbalan Pengawal Hakcipta dan Penolong Pengawal Hakcipta untuk menguatkuasakan Undang-undang Hakcipta ini. Peruntukan-peruntukan juga dicadangkan untuk menentukan kuasa-kuasa pegawai-pegawai yang dilantik itu.

Pemindahan kuasa ini bertujuan supaya penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan hakcipta dapat dilaksanakan dengan lebih kemas, teratur dan berkesan, di samping mewujudkan satu pasukan pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang hakcipta. Dengan pemindahan kuasa ini juga pihak polis dijangkakan dapat meneruskan perhatian sepenuhnya kepada jenayah-jenayah yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, urusan-urusan yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta juga dipermudahkan seperti waran yang dikeluaran di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walaupun terdapat kecacatan atau kesilapan di dalam waran tersebut. Berhubung dengan pemeriksaan salinan-salinan lauggaran yang dirampas, adalah mencukupi untuk membuka dan memeriksa hanya satu peratus atau mana-mana Lima salinan dalam tiap-tiap satu bangkusan atau bekas dan salinan-salinan yang selebihnya yaag didapati di dalam bungkusan atau bekas itu adalah dianggap sama jenisnya dengan salinan-salinan yang telah diperiksa.

Keempat, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini memperluaskan peruntukan-peruntukan am mengenai karya-karya yang layak mendapat hakcipta, dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum karya-karya boleh dilindungi oleh hakcipta. Peruntukan mengenai hak-hak eksklusif pencipta juga diperluaskan untuk meliputi bukan sahaja pengeluaran semula, penyampaian kepada awam dan siaran, tetapi juga perhubungan melalui kabel dan pengedaran kepada awam bagi keseluruhan atau sebahagian besar karyanya, sama ada dalam bentuk asal atau terbitan. Di bawah Akta Hakcipta 1969, hak-hak pencipta untuk membantah terhadap apa-apa pindaan, mengubah rupa (*distort*),

Tuan Yang di-Pertua, mencacat (multilate) karyanya yang mengakibatkan maruahnya terjejas, adalah wujud selama hayat pencipta sahaja. Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya hak-hak tersebut wujud untuk selama-lamanya.

Kelima, Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya perlindungan hakcipta diberi kepada karya-karya yang diterbitkan semula oleh penerbit-penerbit di negara ini. Jangkamasa hakcipta bagi karya-karya tersebut ialah 50 tahun. Peruntukan ini akan mendorong penerbit-penerbit untuk menerbitan karya-karya di negara ini dan seterusnya memperkembangkan industri percetakan dan juga memperbanyakkan bahan-bahan bacaan. Peruntukan ini tidak terdapat dalam Akta Hakcipta 1969.

Keenam, Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya perlindungan hakcipta diberi kepada karya-karya yang diterbitkan/dibuat di dalam negara ini tidak kira sama ada penciptanya bukan merupakan warganegara Malaysia ataupun pemastautih tetap di negara ini. Seperti karya-karya lain jangkamasa perlindungan ialah 50 tahun. Cadangan ini akan menggalakkan perkembangan karya di negara ini. Peruntukan yang sedemikian tidak terdapat di dalam Akta Hakcipta 1969.

Ketujuh, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini juga mencadangkan supaya maksud perlakuan urusan yang wajar (fair dealing), diperluaskan untuk merangkumi apa-apa kegunaan sesuatu karya bagi maksud memberi nasihat profesional oleh seorang peguam dan apa-apa kegunaan sesuatu karya oleh mana-mana perpustakaan negeri dan institusi profesional.

Kelapan, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini mencadangkan supaya jangkamasa perlindungan bagi sesuatu karya dilanjutkan bagi membolehkan pencipta-pencipta dan ahli-ahli keluarga mereka menikmati faedah atau imbuhan dari penggunaan karya-karya yang mereka hasilkan. Lanjutan perlindungan yang dicadangkan ialah dari pada 25 tahun kepada 50 tahun bagi semua jenis karya yang mempunyai perlindungan hakcipta.

Kesembilan, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini juga mencadangkan peruntukan-peruntukan yang menentukan perlakuan-perlakuan yang dianggap sebagai perlanggaran hakcipta. Denda dan hukuman maksimum yang boleh dikenakan ke atas seseorang yang sabit kesalahannya, dicadangkan supaya ditambah seperti berikut:

- (a) tidak melebihi \$10,000 bagi setiap salinan langgaran, atau penjara bagi satu terapoh tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-duanya, dan bagi apa-apa kesalahan kali kedua atau kemudiannya, denda tidak melebihi \$20,000 bagi setiap salinan langgaran, atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 10 tahun, atau kedua-duanya;
- (b) bagi kesalahan membuat atau ada dalam miliknya apa-apa perekaan (contvivance), yang boleh digunakan untuk membuat salinan langgaran akan dikenakan denda sebanyak \$20,000 bagi setiap perekaan, atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kali kedua atau kemudiannya, denda tidak melebihi \$40,000 bagi setiap perekaan atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya; dan
- (c) bagi kesalahan-kesalahan yang baginya tiada penalti khas diperuntukkan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi \$25,000 atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

Hak denda maksimum \$100,000 yang diperuntukkan di bawah Akta Hakcipta 1969 dihapuskan.

Kesepuluh, Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya afidavit atau akuan berkanun yang dibuat di hadapan mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah boleh diterima sebagai keterangan di dalam apa-apa prosiding di bawah Akta dan hendaklah menjadi bukti *prima facie*. Di bawah Akta Hakcipta 1969 sesuatu afidavit hanya boleh diterima di dalam kes-kes jenayah sahaja.

Kesebelas, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini mencadangkan supaya terjemahan karya-karya ke Bahasa Kebangsaan boleh dibuat selepas satu tahun dari terbitan pertama karya tersebut, berbanding dengan tujuh tahun di bawah Akta Hakcipta 1969. Cadangan mempercepatkan terjemahan karya-karya iai akan memperbanyakkan bahan-bahan bacaan di negara ini,

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, Rang Undang-undang ini mempunyai **ciri-ciri** positif yang menarik. Di antaranya ialah:-

- (i) Undang-undang ini memperluaskan jenis-jenis karya yang layak mendapat perlindungan hakcipta, umpamanya karya program komputer;
- (ii) Undang-undang ini memperluaskan bak-hak eksklusif pemilik karya, umpamanya bak mengawal penyebaran melalui kabel;
- (iii.) Undang-undang ini memanjangkan jangkamasa perlindungan hakcipta daripada antara 20 hingga 25 tahun sekarang kepada 50 tahun;

- (iv) Undang-undang ini memperuntukkan denda dan hukuman yang Lebih berat ke atas sebarang perlanggaran hakcipta; dan
- (v) Rang Undang-undang ini memperluaskan skop perlakuan yang dianggap urusan yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan hakcipta memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan sesebuah negara, kerana ia merupakan suatu insentif bagi mendorong para karyawan untuk terus berusaha dan kreatif. Adalah dipercayai bahawa Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, bukan sahaja akan dapat memberi perlindungan sewajarnya kepada tuan punya hakcipta, tetapi akan mewujudkan keyakinan di kalangan pihak-pihak iain yang terlibat dengan hakcipta, seperti industri percetakan dan penerbitan buku, industri pengusaha dan penerbit filem, industri pengusaha dan penerbit video dan phonogram dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Lt. KoL(B) Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubungan dengan hakcipta dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said.

**4.48 ptg.**

**Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said;** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang iaitu suatu Akta yang bemama Rang Undang-undang Hakcipta 1987. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di atas tindakan Kerajaan mewujudkan Undang-undang Hakcipta 1987 ini adalah sesuai dengan keadaan semasa, kena dalam apa jua usaha niaga yang boleh dapat keuntungan wang akan wujud pula manusia yang sanggup melanggar undang-undang.

Yang kedua, setelah negara kita mencapai kemerdekaan 30 tahun yang lalu ramai juga rakyat Malaysia mendapat latihan dalam bidang-bidang tertentu sehingga mereka ini berjaya dan terkenal sebagai seorang pencipta. Misalnya negara Malaysia berjaya mengeluarkan penulis-penulis yang kreatif, pencipta-pencipta muzik dan lain-lain lagi selaras dengan taksiran pencipta dalam Fasal 3 Rang Undang-undang Hakcipta 1987.

Yang ketiga, kita telah lama mendengar keluhan para pencipta di negara ini mengenai perbuatan-perbuatan perlanggaran hakcipta oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Inilah dikatakan lembu punya susu, sapi dapat nama. Dari perbuatan perlanggaran hakcipta ini orang lain bersusah payah berusaha mencipta sesuatu, lain orang pula mendapat keuntungan wang besar. Kita boleh membeli, misalannya pita rakaman lagu-lagu Malaysia di negara-negara jiran dengan harga yang lebih rendah dari pita rakaman asal dari Malaysia. Sebagai contoh, pita muzik asal oiriginal dari Malaysia berharga \$8.50 - satu, tetapi di negara jiran cuma \$2.50 sahaja. Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga orang-orang di Malaysia sanggup membuat rakaman suara haram hasil ciptaan orang lain.

Yang keempat, Fasal 36 Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini. Banyak 'perbuatan pelanggaran telah dan sedang di Lakisanakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti mengimport, menyewa, mengedar sesuatu artikel tanpa persetujuan atau lesen tuan punya hakcipta. Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini adalah amat sesuai untuk membanteras pelanggaran hakcipta dan harus mendapat persetujuan Dewan yang mulia ini.

Yang kelima, apa yang diharapkan sesudah Rang Undang-undang ini diluluskan nanti adalah keadaan ataupun kaedah-kaedah pelaksanaan Undang-undang itu sendiri. Kita berharap para pegawai-pegawai yang akan dilantik nanti akan menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh tanggungjawab, jujur, beramanah, selaras dengan peruntukan Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini.

Dengan wujudnya Rang Undang-undang ini kita berharap para pencipta di negara Malaysia ini akan dapat menambahkan usaha-usaha mereka dalam bidang penciptaan mereka nanti dan mereka ini tidaklah apa yang saya katakan tadi seperti lembu punya susu, sapi dapat nama, dan mereka ini tidaklah seperti apa orang berkata frust untuk mencipta. Dengan adanya Undang-undang ini maka mereka ini akan mendapat galakan lagi.

Terima kasih lagi kepada Kementerian ini yang telah bersusah payah dan mempunyai idea yang baik mewujudkan Undang-undang ini. Terima kasih juga saya kepada Timbalan Menteri yang ada, Dengan ini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Lt. Kol- (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

4.54 ptg.

**Tuan Haji Shaharom. bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama mengambil bahagian untuk membahaskan satu Rang Undang-undang Hakcipta 1987 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam Dewan **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat mengalu-alukan dan saya sangat-sangat mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan kerana membentangkan satu Rang Undang-undang yang selama ini memang ditunggu-tunggu dan diharap-harapkan oleh karyawan-karyawan kita di dalam berbagai bidang sastera, muzik, seni, filem dan lain-lain untuk dilindungi oleh Undang-undang, untuk dilindungi oleh negara supaya kerjaya mereka itu tidak menjadi sia-sia dan musnah dengan

adanya sifat-sifat manusia yang suka mempalagi, yaag suka meniru dan mengambil hakcipta orang lain untuk mendapat keuntungan kepada mereka yang mahu mengambil keuntungan itu.

Perkara menyalahgunakan hakcipta ini saya sendiri mendapat faham dan mendapat tahu bahawa memang banyak rungutan-rungutan yang telah timbul sejak kita berkerajaan sendiri, sejak kita merdeka, sejak kita dapat melahirkan banyak ahli-ahli sastera kita, pengubah-pengubah muzik kita, seniman-seniman kita yang telah memerah otak, membuang tenaga dan belanja, mencari dan menimba ilmu pengetahuan di negeri lain tetapi ciptaan mereka itu menjadi hancur dan musnah kerana adanya gejala-gejala buruk yang dilakukan oleh golongan-golongan yang mengambil kesempatan untuk mendapat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua dengan adanya Rang Undang-undang Hakcipta 1987 yang memperkuatkan lagi dan menambahkan lagi denda-denda yang begitu tinggi kepada Undang-undang Hakcipta 1969 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya yakin bahawa penguatkuasa yang diterbitkan daripada Undang-undang ini oleh pihak Menteri yang berkenaan akan dapat melindungi mereka yang menolong di dalam perkembangan pembangunan negara dalam bidang-bidang yang tertentu yang termasuk di dalam ruang hakcipta ini. Kepada mereka ini negara terhutang budi. Negara terhutang budi kepada sasterawan-sasterawan kita, pemuzik-pemuzik kita, ahli-ahli seni kita, kepada mereka yang bergelumang dalam bidang perfileman dalam negara kita yang tidak jemu-jemu, yang tidak penat-penat untuk cuba menonjolkan sebahagian daripada kebangkitan dalam negara dan masyarakat yang membangun ini di dalam bidang-bidang yang mereka ceburi itu.

Dengan adanya Rang Undang-undang Hakcipta ini saya percaya, ini akan memberikan dorongan yang hebat kepada mereka dan akan memberikan dorongan yang menaikkan lagi semangat mereka untuk terus menjadi karyawan negara di dalam bidang-bidang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu selama ini di dalam bidang penerbitan sastera, banyak di kalangan pengarang-pengarang kita, sasterawan-sasterawan kita yang merasa bosan untuk menerbitkan, untuk mencipta, untuk mengeluarkan buku-buku yang baik, yang bermutu untuk tatapan anak bangsa. Mereka merasa kecewa kerana apa yang mereka buat selama ini tidak ada penghargaan kerana adanya golongan manusia yang mengambil usaha mereka itu secara rompak, secara palagiat, dicetak misalnya di luar negeri, dibawa masuk balik ke dalam negeri dan dijual tanpa pengetahuan pengarang yang asal. Pengarang asal yang penat memerah otak tidak mendapat ganjaran yang sepatutnya, malahan ada di antara kalangan sasterawan kita ini yang hidup daif.

Jadi, dengan adanya lindungan hak cipta ini saya mengucapkan kepada Kerajaan dengan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi perlindungan dan ini akan menambahkan semangat kepada mereka-mereka di dalam bidang-bidang yang tertentu. Sepertimana juga kita tahu dalam bldang muzik macam-macam hal yang terjadi, macam-macam hal yang berlaku sehingga ada masanya di antara seorang penerbit dengan penerbit yang lain bermasam-masam muka, kerana tidak adanya lindungan hak cipta yang tegas untuk menjamin kestabilan karya, kestabilan kerjayanya di dalam meneruskan usaha-usahanya di samping untuk memperbaiki lagi penghidupannya di dalam bidang ini. Kerana karyawan-karyawan di dalam negara kita belum mencapai kepada tahap karyawan-karyawan negara-negara lain yang boleh hidup berpijak di atas karyanya sahaja.

Negara-negara lain mempunyai karyawan-karyawan yang boleh hidup berpijak, bergantung kepada hasil karyanya tetapi karyawan-karyawan negara kita yang baru bertapak jika sekiranya tidak ada lindungan daripada Kerajaan, tidak ada bimbingan daripada Kerajaan, tidak ada bantuan dari Kerajaan, tidak ada pengawalan dari Kerajaan, mereka akan menjadi seorang ahli karya atau karyawan atau seniman yang terapung-apung yang tidak akan dapat menjamin kekuahan keluarganya untuk masa yang akan datang. Jadi, Lindungan hak cipta ini memberi Lindungan selama 50 tahun, amat baik buat di peringkat ini. Kalau saya, saya mengesyorkan supaya lindungan hak cipta ini selama-lamanya, jangan dihadkan 50 tahun, kerana ciptaan seseorang itu tidak mudah untuk "didapati buat kali yang keduanya.

Jadi, kita merasa sayang kalau selepas 50 tahun nanti ciptaan seseorang itu boleh pula digunakan oleh orang lain, diambil peluang oleh orang lain kerana itu sudah terkeluar dari kuasa undang-undang yang ada, yang kita bahaskan sekarang ini. Jadi mungkin dalam masa 50 tahun apabila Rang Undang-undang ini diwartakan tentu kita akan membuat pindaan pula di masa yang akan datang untuk menguatkan lagi Undang-undang Hakcipta ini di dalam negara kita.

Perlanggaran hak cipta ini, Tuan yang di-Pertua, kalau kita semak, dan saya semak sekali lalu dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, buat masa ini kepada mereka yang melanggar hak cipta dengan menjual, menyewa atau dengan cara apa sekalipun seperti. cara dagangan, menawarkan atau mendedahkan untuk jual sesuatu sewaan dan lain-lain di dalam artikel ini mempunyai huraian yang lebih panjang. Jadi, saya meminta kepada pihak Kerajaan terutamanya kepada penguatkuasa yang nanti akan dilantik oleh Menteri dengan penuh kuasa Menteri melalui undang-undang ini akan menjalankan tugasnya dengan penuh dedikasi, dengan tidak ada pilih kasih, dengan tidak ada pandang bulu terutama sekali apabila terlibat mengenai dengan karya seni, filem dan sebagainya jangan ada rasuah di dalamnya. Kerana kita manusia biasa selalu orang lemah semangat. Orang lemah semangat apabila disogok dengan sesuatu yang baik. Jadi kita takut nanti dalam bidang ini Pengawal, petugas atau pegawai-pegawai yang diberikan kuasa untuk melaksanakan undang-undang ini cubalah seboleh-bolehnya melaksanakan undang-undang dan amanah ini jangan sampai satu masa besok kita dengar Pegawai Penguatkuasa yang diberikan tugas di dalam mengawal hakcipta ini dibawa ke mahkamah.

Ini kita tidak mahu, kerana ini melibatkan barang yang seni-seni, barang yang halus, sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi, siaran yang melalui cable, ini semua perkara yang halus, yang seni, rompakannya tidak nampak tetapi merugikan dan kalau berlaku rompakan keuntungannya nampak banyak sedangkan orang, lain tidak sedar dan di dalam melaksanakan dan di dalam mengawal hakcipta ini saya tidak mahu berlaku dan kita minta supaya benar-benar bersikap amanah, cekap dan amanah di dalam mengawal ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya mungkin sepertimana yang diharapkan. Kalau tidak, tidak ada faedahnya kita meluluskan di dalam Dewan ini undang-undang yang baru ini, lebih baik kita gunakan undang-undang yang lama sahaja tetapi kerana kita hendak menyelamatkan, kerana kita hendak menolong, kerana kita hendak melindungi karyawan-karyawan dalam negara kita ini supaya jangan terumbang ambing.

Dengan adanya Undang-undang Hakcipta ini mereka nanti akan merasa kuat, mempunyai keyakinan bahawa apa yang mereka usahakan itu dilindungi oleh Kerajaan dengan undang-undang, dilindungi oleh Kerajaan dengan kuatkuasa, dilindungi oleh Kerajaan kepada sesiapa yang melanggar hakciptanya tadi, kali yang pertama didenda \$10,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya kali yang kedua denda \$20,000 atau 10 tahun atau kedua-duanya. Dan kalau didapati pula di dalam miliknya masih ada lagi benda-benda, perkara-perkara, barang-barang yang masih boleh digunakan untuk menyalahgunakan hakcipta tadi dinaikkan lagi kepada denda yang tinggi atau penjara yang tinggi sehingga berpuluhan-puluhan ribu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau dia boleh mendapat keuntungan daripada melanggar hak cipta ini, keuntungan yang beratus-ratus ribu saya percaya denda \$10,000

ini pun mereka tidak takut. Denda \$10,000 ini nanti denda yang setinggi-tingginya, Biasanya mahkamah tidak akan menjatuhkan hukuman terus \$10,000.

Jadi, apa salahnya kalau pihak Kerajaan mengubah denda ini ditinggikan kepada tiga kali ganda. Jadi, kalau sekarang \$10,000 kalau didapati bersalah didenda \$2,000 kerana kesalahan kali yang pertama, Tetapi kalau denda yang pertama ini yang A tidak lebih \$10,000 kita naikkan kepada \$50,000. Jadi yang dijatuhkan denda \$10,000 merasa berat. Kali yang kedua naikkan kepada \$100,000 sodangkan di dalam Akta yang lama denda \$100,000 di dalam Akta 1969 yang hapuskan.

Sekarang kita turun dan pecah denda ini. Sebab ini satu kesalahan mengambil hakcipta orang lain sedangkan pencipta yang pertama tadi menggunakan tenaga, fikirannya, sarafnya, mengorbankan kesihatannya, kadang-kadang tidak kira kesihatannya asalkan ciptaan-nya tadi berjaya. Dia merasa puas hati tiba-tiba ciptaannya dirompak oleh orang lain, dipalagiat oleh orang lain. Jadi, denda \$10,000 ini rasa saya rendah. Sepatutnya Kerajaan timbangkan, ubah denda kali yang pertama dari \$10,000 kepada \$50,000, daripada 5 tahun ke 10 tahun, supaya berhenti sikap manusia tamak yang suka memperalatkan orang lain mengambil keuntungan daripada tenaga **titik peluh** orang lain. Kalau perlu kenakan di sini barangkali hukuman mandatori. Pada kesalahan kali yang ketiga, dia gunakan lagi hak ciptaan orang lain, denda, penjara mandatori. Sebab dia sudah membunuh karya satu orang lain yang telah berusaha; dia sudah membunuh karya orang itu untuk kepentingan dia, untuk kepentingan

peribadinya. Manusia sekarang tidak memikirkan Lagi penat lelah orang lain asalkan dia boleh dapat untung dia tidak kira itu semua. Jadi, hanya dengan denda yang setinggi-tingginya, hanya dengan penjara yang lama, manusia akan merasa takut.

Sungguhpun sekarang ini kita tahu ada hukuman penjara yang lama pun manusia tidak takut, manusia masih melanggar juga undang-undang dan kesalahan-kesalahan dan peraturan-petraturan yang telah dibuat oleh mahkamah, manusia akan terus buat, apa lagi perkara yang seperti ini yang di dalamnya mengandungi seni, halus, perkara yang baru.

Lindungan hakcipta ini perkara yang baru yang kita akan luluskan hari ini. Mungkin dalam tempoh 4, 5 tahun belum dapat dikesan lagi. Kerana ahli-ahli seni, karyawan-karyawan kita ini dalam bidang sastranya, muziknya, dia kata, tidak apalah, asalkan muzik berkembang, asalkan sastera dapat memenuhi selera peminat sastera, asalkan seni dapat menghidupkan seni, tetapi masyarakat seni bangsa, seni negara, karyawan ini tidak memikirkan **itu**, tetapi satu golongan manusia yang mahu mencari untung, dia tidak memikirkan pula sebaliknya bagaimana penatnya, bagaimana letihnya karyawan-karyawan kita mencipta sesuatu hasil ciptaannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan dan apa yang saya harapkan denda itu kalau boleh ditingkatkan Lagi, ditinggikan lagi, supaya kita dapat mematikan satu lubang, satu petuang tempat penjenayah-penjenayah melakukan kesalahan di dalam negara kita, selain dari pada jenayah yang lain termasuk di dalam jenayah hakcipta **ini**.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan dan terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Siiakan Yang Berhormat Datuk.

### **5.11 ptg.**

**Datuk Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini sama-sama membahaskan satu Rang Undang-undang Hakcipta 1987.

Dari apa yang telah dicatatkan di dalam Rang Undang-undang **ini**, saya berkeyakinan Kerajaan telah mengambil perhatian yang sungguh-sungguh kepada pencipta-pencipta seperti pencipta sastera, muzik, karya dan sebagainya, tidak menimbulkan masalah kepada mereka

atau tidak merugikan kepada mereka kerana timbul orang-orang yang sengaja melakukan sama ada mengambil hakciptanya untuk kepentingan mereka sendiri.

Dengan adanya Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, maka kita penuh percaya adalah satu kawalan yang begitu rapi yang dibuat oleh pihak Kerajaan sebagaimana yang tentakluk di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, seperti dalam Fasal 5(1) yang menjelaskan Menteri boleh melantik seseorang Pengawal Hakcipta dan beberapa orang Timbalan Pengawal Hakcipta dan Penolong Pengawal sebagaimana yang diperlukan. Saya merasai dengan adanya Fasal yang dijelaskan ini, maka Kerajaan ataupun pihak Menteri yang berkenaan mengambil perhatian yang sungguh-sungguh supaya suatu kawalan yang diambil perhatian oleh pegawai-pegawai yang ditentukan oleh pihak Menteri yang berkenaan.

Selain daripada itu juga, sebagaimana yang dibentangkan adalah mengatasi beberapa kelemahan-kelemahan daripada Rang Undang-undang yang lalu, dengan bermaksud memansuhkan Akta Hakcipta 1969 yang tertakluk di dalam hakcipta sastera, musik, karya-karya dan sebagainya dan dalam masalah itu telah disusuli pula bagi pihak pendakwa-pendakwa yang mengambil bahagian untuk mendakwa kepada orang-orang yang hendak menimbulkan atau hendak memusnahkan karyawan seseorang. Dengan itu telahpun diberikan satu peruntukan dalam Fasal 51 yang menyebutkan Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor diberi kuasa untuk menjalankan dakwaan jenayah di bawah Rang Undang-undang ini.

Dari catitan yang kita kemukakan secara ringkas iaitu dengan melantik beberapa oirang pengawal hakcipta serta mewujudkaa pegawai-pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, maka

kita telah meyakinkan usaha ini telah merangkumi ada orang yang mengambil perhatian dan ada orang yang mengambil tindakan baik sesiapa yang melanggar kesalahan ini, dan kita ketahui kepada pihak-pihak yang telah melanggar kesalahan-kesalahan diberi denda dengan hukuman-hukuman yang tertentu. Maka selain daripada itu, kita juga merasai sebagaimana tertakluk di dalam Fasal 48(d) yang bermaksud sebaran, maklumat palsu yang sengaja diberikan adalah suatu kesalahan yang dilakukan oleh pihak yang berkenaan. Ini juga suatu penekanan kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab ataupun orang yang memberikan maklumat yang palsu diletakkan di dalam suatu kesalahan yang diambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini, maka haruslah kita memikirkan supaya orang-orang yang mengambil atau merompak, orang-orang yang mempunyai karyawan itu perlu diambil tindakan yang lebih berat lagi supaya mereka yang berkenaan tidak akan mahu melakukan hak-hak orang lain itu. Dengan ini saya memberikan perhatian kepada Kementerian yang berkenaan iaitu mana-mana orang yang didapati melanggar Rang Undang-undang ini, selain daripada hukuman-hukuman yang ditentukan sama ada dihukum penjara atau didenda, perlu satu hukuman yang memberi mereka kesedaran dan mereka tidak akan melakukan rompakan ini, iaitu kepada mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan tertakluk di dalam Rang Undang-undang ini, maka perlu dikenakan kepada mereka iaitu tidak dibenarkan mereka mencipta sebarang karya sama ada karya sastera, muzik, seni dan sebagainya selama hidupnya.

Ini maka saya merasakan hukuman yang dikenakan ini sebelum mereka hendak melakukan sesuatu perbuatan jenayah ini, mereka harus memikirkan sekiranya kalau mereka melakukan tetapi cuma diberi hukuman penjara atau denda, saya merasai kepada orang-orang yang tertentu tidak menimbulkan masalah kepada mereka. Tetapi apabila hukuman itu diberikan atau dikenakan kepada mereka, tidak dibenarkan mereka mencipta sebarang karya, sama ada karya sastera, muzik dan sebagainya iaitu selama hidupnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu harus kita mengambil perhatian yang sungguh-sungguh dalam masalah badan-badan percetakan yang kita merasai barangkali ada di antara badan-badan percetakan ini, sama ada syarikat-syarikat yang berkenaan ataupun orang-orang yang tertentu, telah sama-sama bersubahat untuk melakukan perbuatan jenayah ini. Kerana pada hemat mereka kita merasakan kalau ada orang-orang yang memberikan karya-karya yang telah sedia wujud, yang mereka bersubahat dengan orang yang memberi karya itu bersama-sama dengan badan-badan percetakan ataupun orang perseorangan yang boleh mengeluarkan semula bahan-bahan sastera, buku-buku dan sebagainya. Benda ini harus boleh berlaku dan mungkin boleh berlaku. Apakah orang atau badan-badan percetakan yang bersubahat yang kita telah dapat kesan benar-benar mereka bersubahat kerana mendapatkan keuntungan dengan tiba-tiba dan menjual bahan-bahan itu lebih murah daripada harga jualan di pasaran.

Maka saya merasakan selain daripada orang perseorangan yang membawa bahan-bahan ini maka syarikat-syarikat percetakan atau badan-badan percetakan perlu diambil tindakan yang sewajarnya. Dengan masalah ini, maka saya merasakan perlu pihak Kementerian yang berkenaan nengambil perhatian khususnya kepada badan-badan percetakan ataupun percetakan perseorangan yang telah didapati sahih melakukan perbuatan khianat dengan orang yang memberi bahan-bahan sastera dan sebagainya dihukum sama.

Dalam masalah hukuman ini, maka kita merasakan suatu hukuman yang wajar perlu dikenakan kepada badan-badan percetakan ini iaitu kita mesti membatalkan lesen percetakannya sekurang-kurangnya selama 25 tahun dan segala bahan-bahan percetakannya yang sedang di dalam pengeluaran perlu di rampas. Jadi dengan adanya suatu hukuman yang kita tentukan kepada badan-badan percetakan ini, ini boleh mengurangkan usaha-usah sama ada cetak rompak dan sebagainya tidak dikenakan kepada orang-orang yang tertentu bahkan kepada syarikat-syarikat ataupun badan-badan percetakan juga dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan-kesalahannya dan merasakan hukuman yang wajar mestilah dibatalkan lesennya dan dirampas segala bahan-bahan di dalam percetakannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu harus kita mengambil perhatian yang sungguh-sungguh bagi menentukan hak siapa yang asal kerana dalam satu ketika yang lalu saya merasai ada 2 orang yang bertelagah yang mengatakan hakcipta itu adalah hakciptanya tetapi seorang yang lain mengatakan hak itu adalah hakciptanya, misalan.

Katalah seorang yang telah mengarang sebuah sastera yang akan di dalam usahanya untuk mengeluarkan sasteranya itu tetapi berkemungkinan ada orang yang telah dapat mengambil ataupun telah dapat merompak hakcipta orang itu sendiri dan apabila mereka mengambil dengan cara mana hakcipta orang lain itu, mereka mengatakan ini adalah hakciptanya sendiri, padahal yang sebenarnya adalah hakcipta orang lain.

Dari masalah-masalah itu perlu kita juga menggariskah bagaimana kita hendak menentukan adakah hakcipta itu dipunyai oleh pencipta 'A' ataupun pencipta 'B'. Sekiranya kalau kita mendapat kesahihan hakcipta itu telah dicuri oleh orang-orang yang tertentu yang kita dapatt pengesahan yang wajar maka orang yang mengambil hakcipta orang lain itu perlu diberikan hukuman yang sewajar kepada mereka sama seperti kesalahan-kesalahan yang saya ialah jelaskan tadi iaitu mereka tidak dibenarkan membuat sebarang hakcipta selama hidupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang dapat saya sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Hakcipta, 1987.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, Sekian, terima kasih.

**Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Saya silakan Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah.

**5.30** ptg.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Ahdullah:** Tuan Yang di-Pertua saya 'ingin' bersama-sama membahaskan Rang Undang-Undang Hakcipta 1987 ini. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana pandangan jauhnya untuk mewujudkan undang-undang ini semata-mata untuk melindungi pencipta-pencipta yang tergulung daripada karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman bunyi dan siaran.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli seni, karya sastera, muzik dan lain-lain telah mengumpulkan satu tenaga rakyat bagi membangunkan negara ini di bidang-bidang yang berkenaan itu. Selain daripada membangunkan negara ini, mereka juga harus mendapat satu pulangan ganjaran yang setimpal dengan apa yang diusahakan oleh mereka yang sanggup memerah otak mengambil masa yang panjang untuk melahirkan satu karya cipta mereka sendiri. Tetapi amat mendukacitakan, segala usaha yang dibuat oleh mereka, mengurbankan masa dan tenaga serta kesihatan terganggu oleh kerana memerah otak itu tetapi akhirnya orang lain yang dapat keuntungan berlipatganda. Soal cetakrompak ini bukanlah baru kita dengar, saban kali kita membaca suratkhabar terdapat berbagai berita mengatakan ciptaan karya seseorang itu telah dicetakrompak dan mereka menghadapi Kerugian yang besar. Kalauolah ada lagu-lagu yang top maka lahirlah cetakrompak dengan menjual lagu-lagu yang lebih murah daripada yang asal.

Dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya sukalah mencadangkan kepada Kementerian berkenaan, seharusnya menjalankan satu usaha

yang lebih giat lagi menguatkuasakan undang-undang ini kerana walau apapun undang-undang yang kita buat tetapi kalau penguatkuasaanya tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh maka undang-undang tinggallah dengan undang-undang sahaja. Saya bersetuju dengan rakan-rakan Yang Berhormat, bukan sahaja denda dilipatgandakan tetapi seharusnya kita merampas segala apa juga alatan-alatan yang digunakan oleh pencetakrompak ini daripada apa juga segi sama ada segi sastemnya untuk buku-buku atau juga dengan alat-alat untuk rakaman yang digunakan oleh sendiket-sendiket ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan bukan sahaja kepada pencetakrompak ini harus ktaa kenakan hukumamn yang berat tetapi juga kepada para pembeli, orang ramai yang secara tidak langsung memberikan sokongan kepada sendiket-sendiket cetakrompak ini dengan membeli keset-keset yang murah dan mereka terus hidup dengan mendapat keuntungan yang besar. Kalau kita kenakan hanya semata-mata kepada mereka tetapi kepada pengguna ataupun orang ramai tidak dikenakan, saya rasa mereka terus berleluasa menjalankan kegiatan ini dan mendapat keuntungan besar.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perbuatan sendiket mencetakrompak ini kesannya kepada negara begitu amat ketara. Sebagai contoh hari ini kita lihat banyak panggung-panggung wayang ditutup kerana adanya sendiket untuk menyalin filem-filem yang baru sahaja ditayangkan kepada video. Orang ramai sudah tidak ingin lagi ke panggung wayang kerana mereka boleh menuntun pada bila-bila masa sahaja di rumah bersama-sama keluarga mereka dengan harga yang lebih murah melalui video-video yang disewa ataupun dijual dengan begitu murah.

Tuan Yang di-Pertua, cetakrompak ini saya kira sudah begitu berleluasa sangat dan sudah sewajarnyalah undang-undang ini disokong

dan dikuatkuasakan dengan seberapa segera yang boleh.

Saya rasa, saya tidak berhajat hendak bercakap lebih panjang lagi, setakat ini sahajalah. Saya menyokong Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini. Terima kasih.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim.** Saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.36ptg.

**Dato Kok. Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan mengenai Rang Undang-undang ini. Saya akan mengambil kesempatan ini menyentuh dan menjawab dengan serba ringkas perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebentar tadi.

Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah Mohd, Said dan Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom telah menyokong undang-undang ini tetapi berharap pegawai-pegawai yang akan menguatkuasakan undang-undang dapat dilaksanakan dengan efektif dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya ingin saya menyatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berupaya melaksanakan tugas-tugas ini. Di samping itu kuasa-kuasa adalah juga diberi kepada pihak polis yang saya kira boleh memberikan bantuan-bantuan yang diperlukan di dalam melaksanakan tugas-tugas ini.

Adalah juga ditegaskan bahawa mengikut Fasal 5 pegawai-pegawai penguatkuasa ini adalah di bawah arahan dan kawalan Menteri yang berkenaan. Kuasa-kuasa yang diberi di bawah undang-undang adalah diperlukan untuk membolehkan Kerajaan menguatkuasakan undang-undang dengan berkesan. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menjalankan

undang-undang dengan adil dan saksama. Dalam hubungan ini ingin di-nyatakan bahawa pelaksanaannya akan dijalankan dengan adil- dan saksama supaya lembu punya susu, lembulah punya nama, bukannya lembu punya susu sapi punya nama. Walau bagaimanapun, kerjasama dari semua pihak seperti ahli-ahli politik, para cerdik pandai dan lain-lain lagi oleh kerana penguatkuasaan bukan sahaja akan dilakukan di gedong-gedong yang besar, bahkan di pasar-pasar malam dan lain-lain tempat pemasaran di maha karya-karya cetakrompak dijual atau dipamerkan untuk jualan.

Senator Haji Shaharom Maasom pun membangkitkan rasa kekecewaan penulis-penulis untuk mengeluarkan karya-karya. Kedua, mencadangkan supaya perlindungan hakcipta dipanjangkan sehingga selama-lamanya dan menyentuh mengenai denda \$10,000.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan dalam ucapan saya sebentar tadi, Rang Undang-undang yang dicadangkan memang berhasrat memperbaiki socio-economic wellbeing karya-karya, dengan izin. Cadangan Yang Berhormat adalah baik. Walau bagaimanapun, tempoh perlindungan yang dicadangkan adalah dirasakan memadai.

Mengenai denda \$10,000 iaitu adalah terhadap satu-satu salinan langgaran. Jadi bayangkan dendanya jika seseorang itu didapati mempunyai sepuluh salinan langgaran pada sesuatu masa, hukuman dan denda yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah berat dan berbentuk deterrent.

Senator Datuk Nasir bin Haji Manap menyentuh mengenai peruntukan berkaitan dengan pendakwaan, penyiasatan dan lain-lain aspek penguatkuasaan dan kesalahan. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini diwujudkan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan di dalam Undang-undang Hakcipta 1969. Dengan itu, wujudlah peraturan-peraturan yang ketat dan selaras dengan kawalan yang kemas.

Mengenai saranan supaya diban mereka yang melakukan cetak rompak. Ini tidak boleh dilakukan. Walau bagaimanapun, denda-denda yang dikenakan adalah tinggi dan cukup detent.

Mengenai wujudnya persubahatan di kalangan rakan percetakan, maklumat ini diterima tetapi jika Yang Berhormat ada detail-detail atau butir-butir yang lanjut, Kementertian akan merasa sukacita menerima. Walau bagaimanapun, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat, peruntukan ada diwujudkan untuk dikenakan tindakan.

Yang Berhormat Datuk Nasir pun membangkitkan Fasal 5(1) iaitu mengenai perlantikan pegawai-pegawai penguatkuasa dan juga peranan pegawai-pegawai polis dalam melaksanakan undang-undang ini, mencadangkan supaya hukuman diberatkan untuk menyedarkan mereka dari melakukan kesalahan di bawah undang-undang ini, iaitu mereka yang bersalah tidak lagi dibenarkan mengeluarkan sebarang karya selama hidupnya. Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat Kerajaan mengawal pembuatan sesuatu karya kerana pembuatan karya-karya memerlukan daya kreatif yang tersendiri.

Senator Haji Abdul Majid bin Abdullah menyentuh mengenai penguatkuasaan dan tindakan-tindakan merampas salinan cetak rompak dan peranan pengguna. Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan undang-undang ini akan dilaksanakan dengan berkesan tanpa pilih kasih.

Mengenai rampasan,Rang Undang-undang yang dicadang adalah memperuntukkan perkara ini. Peranan pengguna adalah juga perlu di dalam penguatkuasaan undang-undang ini secara am. Penglibatan dari semua pihak adalah amat diperlukan bagi menjayakan hasrat Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan yang tidak sempat saya sentuh akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan sewaktu melaksanakan Rang Undang-undang ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid** mempenguruskan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. Wabillahi Taufik walhidayah, Assalamu'alaikum warahraatullahi wabarakaatuh.

**Ahli—ahli:** Waalaikumussallam.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.47 petang.